



# Bingung kekasih ubah hati

## Ibu kekasih minta pelajar teruskan hubungan dengan anak

### Soalan

**S**AYA seorang pelajar institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) berusia 21 tahun. Saya mengenali gadis yang cukup saya sukai dan dia adalah cinta pertama saya.

Beberapa bulan berkenalan, saya berjaya memiliki hatinya, namun perhubungan kami singkat berikutan orang ketiga iaitu bekas teman lelaki saya dimasukkan ke hospital kerana cuba membunuh diri akibat teman wanita saya memutuskan hubungan dengannya.

Mereka berpisah dua bulan selepas kami memulakan perhubungan. Daripada apa yang diberitahu ibu kekasih saya, mereka memutuskan hubungan kerana bekas teman lelaki saya bukan seorang yang baik. Kekasih saya menyembunyikan hal ini daripada saya kerana tidak mahu menyakiti hati saya.

Saya tidak kisah dengan situasi itu dan memberi semangat kepada teman wanita saya supaya terus

melawat bekas kekasihnya.

Namun, kerana ego, saya bertanyakan perkara itu. Atas sebab itu, kami sering bergaduh, namun saya kerap mengalah.

Dia menganggap saya terlalu cemburu sehingga mengganggu perhubungan teman wanita saya dengan rakannya. Namun, saya bukanlah seperti itu dan agak keterlaluan jika saya menghalang perhubungan mereka.

Selepas kejadian itu, dia meninggalkan saya dengan atasan tidak mahu hati saya dipertingkatkan. Dia juga tidak mahu bercinta buat masa ini dan ingin memberi tumpuan sepenuhnya kepada pelajaran. Saya menerima dan menghormati keputusannya kerana pada ketika itu, dia baru berusia 18 tahun.

Lagi pula, dia adalah cinta pertama saya dan mungkin kami naif dalam percintaan. Walaupun berat hati, saya terpaksa berundur dan sanggup menunggunya.

Masalahnya kini, ibu kekasih saya mahu saya meneruskan hubungan

dengan anaknya kerana saya dikatakan banyak mengubah anaknya menjadi lebih baik. Kekasih saya juga mengakui saya adalah lelaki yang boleh membimbingnya. Lalu, ibunya berusaha untuk menyatukan kami kembali dan sedaya upaya melembutkan hati saya.

Kini, saya cuba untuk tidak menghubunginya. Apabila saya terbuka hati untuk menghubunginya, dia menyatakan supaya tidak mengharapkannya lagi. Saya akur buat masa ini kerana merasakan belum cukup sempurna untuk dirinya.

Saya sering berpegang kepada kata-kata, lelaki seharusnya berusaha untuk membahagiakan teman wanitanya dan cuba untuk membuatnya tidak perlu membuat pilihan lagi.

Kini, dia tidak memberi tindak balas di peringkat awal dan apabila dia bertindak sesuatu, saya pula tidak memberi tindak balas. Apakah yang harus saya lakukan?

Adakah saya harus

mengejar sesuatu yang tidak pasti kerana cinta ini terlalu berharga buat saya atau terus melarikan diri daripada permasalahan ini?

ABANG BINGUNG, Kangar, Perlis.

### Jawapan

**H**UBUNGAN adik dengan kekasih ibarat satu permainan tarik tali. Apabila satu pihak menarik tali, pihak satu lagi melepaskannya dan begitulah sebaliknya. Hubungan adik berdua juga disaluti sifat ego, prasangka, cemburu dan penafian.

Namun, itu semua lumrah orang bercinta. Bak kata pepatah cinta akan lari bila kita mencari, tetapi cinta juga sering dibiarkan pergi bila ia menghampiri.

Sama ada yang dikejar itu pasti, atau tidak, kita tidak mengetahuinya. Apa yang pasti adik boleh berusaha untuk membahagiakan kekasih adik. Bukankah adik sendiri yang sering berpegang kepada kata-kata iaitu lelaki

seharusnya berusaha untuk membahagiakan teman wanitanya? Apatah lagi, ibu kekasih menyukai adik dan bersifat positif dalam perhubungan adik berdua. Jadi, kenapa perlu lari daripada cinta sedangkan ia sudah di depan mata?

Dr lihat wujud masalah komunikasi dan sifat berterus terang antara adik dengan kekasih. Mungkin benar, seperti yang adik katakan adik berdua masih naif dalam percintaan. Namun, jika kedua-duanya terus bermain tarik tali dan tidak berterus terang, pelbagai prasangka dan haiangan akan wujud. Hala tuju perhubungan juga tidak akan jelas.

Sikap berterus terang dan komunikasi yang baik akan memberi adik gambaran sebenar hala tuju dan apa yang diinginkan dalam perhubungan ini. Persoalan sama ada kekasih ingin memberi fokus kepada pelajaran dan hubungannya dengan bekas kekasih perlu dibincangkan.

Apapun keputusan yang diambil nanti, rasa

bertanggungjawab atas keputusan itu perlu. Jika cinta itu terlalu berharga buat adik, hadapi permasalahan ini dan jangan melarikan diri kerana ia akan memberi tekanan kepada adik.

Jika perhubungan ini tidak berjaya, lepaskan ia dan sentiasa mendoakannya walaupun dia tidak ada di sisi. Bagaimanapun, jika cinta itu berhasil, adik perlu menjaganya.

Mengenai cinta, Mahatma Gandhi pernah berkata, "Ada dua titis air mata mengalir di sebuah sungai. Satu titis air mata itu menyapa air mata yang satu lagi. Saya air mata seorang gadis yang mencintai seorang lelaki tetapi kehilangannya". Siapa kamu pula? Jawab titis air mata kedua itu, "Saya air mata seorang lelaki yang menyesa! membiarkan seorang gadis yang mencintai saya berlalu begitu sahaja."

Dr berharap adik tidak akan menjadi seperti lelaki dalam titis air mata kedua itu. Semoga berjaya.

# Remaja keliru tak kenal diri sendiri

### Soalan

**S**AYA berusia 18 tahun dan keliru dengan diri sendiri. Ada kalanya saya suka diri saya dan ada kalanya saya benci melihat diri sendiri. Emosi serta perasaan saya bercampur, kadang gembira, duka, sedih dan benci.

Berat betul tekanan dirasakan. Saya seperti orang tidak normal kerana sentiasa keliru dengan diri sendiri. Dulu, saya tidak begini kerana ketika berada di tingkatan tiga dan empat, saya seorang yang ceria.

Namun ketika di tingkatan lima hingga kini, saya sudah tidak kenal diri saya sendiri. Saya betul-betul buntu memikirkan masalah yang dihadapi sekarang ini.

REMAJA KELIRU, Negeri Sembilan

### Jawapan

**P**ERSOALAN 'siapa saya, bagaimana saya dapat menyesuaikan diri dalam kehidupan ini dan apakah sebenarnya kehidupan ini', selalu ditanya remaja pada peringkat umur adik.

Ahli psikologi mempunyai pandangan berbeza mengenai peringkat perkembangan diri remaja.

Seorang ahli psikologi, Erikson melihat bahawa pada peringkat umur adik, remaja berada dalam peringkat ingin mengenal diri dan pada masa sama, berasa keliru mengenal dirinya. Peringkat ini adalah peringkat amat mencabar. Remaja akan berusaha untuk melihat dan mengenal pasti apa yang unik dan istimewa mengenai diri mereka. Remaja seperti adik akan

**Jika perkara ini tidak ditangani dengan baik, ia akan menyumbang kepada tingkah laku negatif. Di sinilah kadangkala, remaja boleh terbabat dengan gejala kurang sihat.**

berusaha untuk melihat siapa mereka, kekuatan dan peranan yang boleh mereka mainkan dalam hidup. Jelasnya, mereka ingin mencari identiti diri.

Apabila mereka di peringkat ini berterusan keliru dan kurang mendapat bimbingan serta tidak punya ikon, ia boleh menyebabkan mereka kurang stabil dari segi identiti.

Jika perkara ini tidak ditangani dengan baik, ia akan menyumbang kepada tingkah laku negatif. Di sinilah kadangkala, remaja boleh terbabat dengan gejala kurang sihat.

Ramal ahli psikologi melihat peringkat ini amat penting dalam perkembangan psikososial individu. Ini kerana remaja yang menghadapi masalah pada peringkat ini merasa kesunyian dan kadangkala takut untuk berhubung serta berinteraksi dengan orang lain.

Untuk mengurangkan kekeliruan, adik perlu buat perancangan masa hadapan. Tambahkan keyakinan diri untuk berjaya pada masa hadapan. Adik perlu masa untuk kenal diri dan sentiasa mengikuti aktiviti



**SIKAP POSITIF**.. aktiviti berfaedah dapat menambah keyakinan diri remaja. - Gambar hiasan

yang boleh kurangkan kekeliruan.

Cari individu yang adik suka untuk dijadikan contoh dan sentiasa

menunaikan tanggungjawab dalam agama seperti solat.

Dr doakan adik dapat jalin peringkat ini dengan baik.